

# Forum ekuiti persendirian Malaysia 9 September ini

KUALA LUMPUR 17 Ogos - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) akan menganjurkan Forum Ekuiti Persendirian Malay-

sia di selama dua hari di sini bermula 9 September ini.

Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Datuk Shahril Ridza Ridzuan berkata, forum ini mendukung tema iaitu ekuiti persendirian pemangkin pertumbuhan di Malaysia.

Katanya, forum ini bertujuan mempromosi ekuiti Persendirian sebagai kelas aset pelaburan yang menarik bagi pelabur Malaysia, meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat pelabur tempatan tentang potensi nilai transformasi pelaburan ekuiti persendirian dan mengetengahkan firma-firma ekuiti persendirian sedia ada dengan matlamat memperluaskan dan membangun sektor ekuiti persendirian dalam negara.

"Forum ini akan menghimpunkan golongan pelabur serta pengurus dana berpengalaman dan juga warga profesional dalam bidang pelaburan ekuiti persendirian dari seluruh rantau Asia Tenggara un-

tuk berkongsi maklumat strategik tentang manfaat dan peluang yang diwujudkan oleh pelaburan ekuiti persendirian," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Seri Abdul Wahid Omar dijangka menyampaikan ucapan pembukaan dan merasmikan forum tersebut.

Tambah Shahril Ridza, berikutan kejayaan Persidangan Ekuiti Persendirian Global KWSP pada tahun lalu, KWSP berbesar hati untuk bekerjasama dengan Ekuinas pada tahun ini dalam menganjurkan forum tersebut.

Forum ini akan menekankan lagi kelebihan ekuiti persendirian sebagai kelas aset pelaburan alternatif kepada institusi pelaburan Malaysia.

Katanya, KWSP berharap usaha ini secara beransur-ansur akan meningkatkan aliran pelaburan domestik ke dalam ekuiti persendirian yang masih agak kecil dan membantu mengembangkan sektor pelaburan yang sedang pesat berkembang ini.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Datuk Abdul Rah-

man Ahmad berkata, Malaysia memiliki satu daripada ekonomi paling rancak dan stabil di Asia Tenggara.

Katanya, walaupun pasaran ekuiti persendirian di Malaysia masih baharu, forum ini akan memaparkan potensi besar ekuiti persendirian di Malaysia dan bagaimana ekuiti persendirian mampu menjadi pemangkin dalam mengubah sesebuah syarikat, selain menjana pertumbuhan dan produktiviti negara.

Seorang daripada tokoh yang bakal menyampaikan ucap tama di Forum tersebut terdiri daripada Howard Marks, Pengerusi Oaktree Capital Management, syarikat pengurusan pelaburan alternatif global terkenal yang ditubuhkan pada 1995 dengan aset dalam pengurusan berjumlah AS\$91.1 bilion (RM282.1 bilion) setakat 30 Jun 2013; D. Brooks Zug, Pengasas dan Pengarah Urusan Kanan, HarbourVest Partners LLC, sebuah syarikat PE global terkenal yang khusus dalam dana kepada dana dan David Suddens, Ketua Pegawai Eksekutif Dr. Martens, sebuah jenama kasut terkemuka dari United Kingdom.